



**BAB SATU**

**PENGENALAN**

# **BAB SATU**

## **PENGENALAN**

### **1.0 Pendahuluan**

Perlaksanaan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia sebagai salah satu mata pelajaran di sekolah menengah kebangsaan dimulakan setelah Kementerian Pendidikan Malaysia memperkenalkannya secara rasmi pada 1 Januari 1977, seiring dengan penubuhan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). (Kertas Dasar Semakan Kurikulum Bahagian Kurikulum, JAPIM : 2002).

Seterusnya mata pelajaran ini telah melalui beberapa siri perubahan dan pembaharuan dalam sukatan kurikulumnya, sehinggalah Bahasa Arab Komunikasi (BAK) diajar di semua Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Berasrama Penuh (SBP) terpilih dan Kelas Aliran Agama (KAA) di sekolah menengah harian biasa. Seiring dengan permintaan yang semakin meningkat daripada masyarakat terhadap pembelajaran bahasa Arab, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah membuka Kelas Aliran Agama (KAA) di sekolah menengah harian biasa bagi pelajar-pelajar yang tidak berpeluang mendapat tempat di SMKA.

Kandungan sukatan pelajaran Bahasa Arab Komunikasi sebagaimana yang ditetapkan oleh Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) merangkumi pelbagai kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Selain dari itu terdapat system bunyi, tatabahasa, kata-kata hikmat dan perbendaharaan kata yang sejajar dengan matlamat BAK seperti yang terkandung dalam Sukatan Pelajaran (SP) BAK (Edisi Semakan) yang berikut:

*“Pengkajian bahasa Arab di sekolah menengah bermatlamat kepada membolehkan murid menguasai kemahiran-kemahiran berbahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis dengan perhatian kepada kemahiran bertutur; menguasai perbendaharaan kata dan meningkatkan kepekaan mereka bagi menggunakannya dengan tepat serta meningkatkan penghayatan akhlak mulia dan nilai-nilai murni”.*

*(Kertas Dasar Semakan Kurikulum Bahasa Arab Komunikasi Dan Bahasa Arab Tinggi Di Sekolah Menengah, 2002 : 4)*

Penguasaan kosa kata dalam pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing memainkan peranan penting dalam sesuatu bahasa yang dipelajari oleh pelajar menepati objektif BAK sekurang-kurangnya mereka perlu menguasai 3000 patah perkataan Arab. Merujuk Khaled Ahmad Bani Omar (2003:51) dipetik daripada Rushdi Ahmad Ta’imah (1989) menyatakan,

*“pakar dalam bidang pendidikan bersetuju bahawa pengajaran perbendaharaan kata adalah keperluan utama dalam pengajaran bahasa kedua dan ia menjadi syarat untuk menguasai bahasa tersebut”.*

Manakala G.Davidson (2001:1) menyatakan,

*“kosa kata merupakan unsur yang sangat penting. Sekiranya pelajar tidak dapat mengenali sesuatu kata, maka sukarlah bagi mereka untuk memahami bahasa yang dipelajari”.*

Kata Nama merupakan salah satu elemen penting dalam penggolongan kata bahasa Arab yang perlu dikuasai oleh seseorang pelajar yang mempelajarinya, seiring dengan penguasaan mereka dalam aspek kata kerja dan partikel. Kelemahan mereka dalam

menguasai kata nama sepertimana yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) akan mempengaruhi dan menjejaskan tahap kecekapan dan keupayaan (*competence and performance*) berkomunikasi dalam bahasa tersebut.

Oleh itu, mereka perlu diberi kesedaran dan pendedahan tentang kepentingan menguasai kata nama bahasa Arab yang sepatutnya dikuasai di peringkat berkenaan dan menggunakannya untuk berkomunikasi mengikut laras bahasa yang sesuai serta menepati tatabahasa dan disiplin bahasa itu sendiri.;

### **1.1 Pernyataan Masalah**

Kosa kata ialah keseluruhan kata dalam sesuatu bahasa iaitu, perbendaharaan kata (Kamus Dewan Edisi 4, 2005:825). Kosa kata dalam bahasa Arab merangkumi kata nama, kata kerja dan partikel. Kajian ini akan meneliti aspek-aspek penggolongan kata nama yang dipelajari oleh pelajar tingkatan dua KAA dari segi ketentuan, bilangan dan gender dalam menguasai bahasa Arab semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku.

Menurut Siti Ikbal Sheikh Salleh (2006:61),

*“penguasaan seseorang terhadap bahasa Arab bermakna kebolehan atau kewibawaannya untuk bertutur dan berkomunikasi menggunakan bahasa tersebut secara spontan dan begitulah sebaliknya tanpa keupayaan ini, proses komunikasi dan interaksi antara individu serta masyarakat tidak akan terlaksana dengan sempurna”.*

Penguasaan kosa kata merupakan salah satu daripada aspek bahasa yang semestinya dikuasai oleh pelajar seiring dengan kemahiran bahasa yang empat iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Dengan ini membolehkan pelajar menguasai kemahiran

bahasa dan isi pelajaran secara bersepadu. Oleh itu, penguasaan kata nama yang merupakan salah satu daripada elemen kosa kata bahasa Arab, amat penting dalam pembelajaran bahasa Arab kerana pelajar bukanlah penutur natif bahasa tersebut.

Di samping itu, kata nama merupakan perkara yang paling asas perlu dipelajari dan dikuasai sebaik mungkin oleh pelajar sebelum mereka mempelajari dan didedahkan dengan kemahiran-kemahiran berbahasa yang lain. Apabila seseorang pelajar dapat menguasai kata nama bahasa Arab dengan baik selari dengan penguasaan mereka dalam aspek kata kerja dan partikel, bermakna kebolehannya untuk bertutur dan menggunakannya untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab akan mencapai matlamat pembelajaran bahasa itu sendiri.

Berdasarkan pengalaman penyelidik sebagai seorang pendidik, pelajar didapati menghadapi masalah dalam menguasai kata nama bahasa Arab dan membezakan antara golongan kata bahasa Arab iaitu, kata nama, kata kerja dan partikel. Kelemahan ini boleh menjejaskan dan mempengaruhi tahap penguasaan mereka dalam bahasa Arab dan tidak akan mencapai matlamat sebenar pembelajaran bahasa tersebut, sebagaimana yang telah digariskan oleh pihak Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral (JAPIM), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

Melalui kajian yang dijalankan, penyelidik cuba mengenal pasti aspek-aspek penggolongan kata nama bahasa Arab yang sukar dikuasai oleh pelajar sebagaimana yang terdapat dalam sukatan pelajaran dan buku teks Bahasa Arab Komunikasi tingkatan dua KBSM. Penyelidik juga mengenal pasti permasalahan utama dalam pengajaran dan pembelajaran kata nama bahasa Arab di kalangan pelajar tingkatan dua KAA. Seterusnya mengenengahkan saranan dan cadangan untuk mempertingkatkan lagi

penguasaan bahasa Arab, selain turut menyumbang kepada penguasaan pertuturan dan kemahiran bahasa yang lain.

## **1.2 Objektif Kajian**

Objektif-objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- 1) Menenal pasti aspek-aspek penggolongan kata nama bahasa Arab yang dipelajari oleh pelajar tingkatan dua KAA.
- 2) Menenal pasti tahap penguasaan kata nama bahasa Arab di kalangan pelajar tingkatan dua KAA.
- 3) Menenal pasti permasalahan utama dalam pengajaran dan pembelajaran kata nama bahasa Arab di kalangan pelajar tingkatan dua KAA.

## **1.3 Soalan-Soalan Kajian**

Kajian ini akan menjawab persoalan-persoalan berikut:

- 1) Apakah aspek-aspek penggolongan kata nama bahasa Arab yang dipelajari oleh pelajar tingkatan dua KAA?
- 2) Apakah tahap penguasaan pelajar tingkatan dua KAA dalam aspek kata nama bahasa Arab?
- 3) Apakah permasalahan utama dalam pengajaran dan pembelajaran kata nama bahasa Arab di kalangan pelajar tingkatan dua KAA?

## **1.4 Kepentingan Kajian**

Kajian ini amat penting dan perlu diketengahkan kerana sebelum ini tidak ada lagi penyelidik yang telah membuat kajian secara khusus mengenai penguasaan kata nama bahasa Arab di kalangan pelajar tingkatan dua Kelas Aliran Agama (KAA). Tambahan pula dari segi suasana pembelajaran bahasa Arab dan persekitaran Kelas Aliran Agama

tidak meyakini suasana pembelajaran dan persekitaran di SMKA yang lebih tersusun dan terancang.

Pada peringkat inilah sebenarnya pelajar berkenaan mempelajari bahasa Arab secara formal dalam bilik darjah. Mereka perlu didedahkan kepada kosa kata khususnya dalam aspek kata nama bahasa Arab, di samping elemen kosa kata lain yang sewajarnya dikuasai. Minat mereka untuk terus berusaha menguasai bahasa Arab sehinggalah ke peringkat yang lebih tinggi juga perlu ditanam.

Dapatan kajian ini diharap dapat memberi maklumat dan manfaat yang berguna kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dalam bidang bahasa Arab untuk meningkatkan lagi penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar, iaitu:

- 1) Menjadi panduan kepada pelajar untuk memperbaiki segala kelemahan dalam mempelajari kata nama bahasa Arab dan meningkatkan penguasaan mereka ke tahap yang lebih baik.
- 2) Menjadi panduan kepada guru untuk menggunakan kreativiti mereka dalam mempelbagaikan dan menggunakan kaedah pengajaran berkesan dalam aspek kata nama bahasa Arab.
- 3) Sebagai panduan kepada pihak sekolah untuk meningkatkan prestasi pelajar dalam penguasaan bahasa Arab.
- 4) Memberi saranan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia dapat merangka garis panduan kesesuaian kata nama bahasa Arab yang perlu dikuasai oleh pelajar peringkat menengah rendah untuk meningkatkan lagi penguasaan bahasa Arab secara keseluruhannya.

## **1.5 Batasan Kajian**

Kajian ini dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Kampung Pasir Puteh, Ipoh Perak dan melibatkan 50 orang pelajar tingkatan dua Kelas Aliran Agama (KAA), sesi persekolahan 2008. Mereka terdiri daripada dua tingkatan iaitu, tingkatan 2 Agama 1 dan 2 Agama 2. Responden kajian telah mempelajari mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi selama satu setengah tahun sejak dari tingkatan satu hinggalah kajian dijalankan.

Dalam kajian ini penyelidik hanya menumpukan kepada aspek-aspek penggolongan kata nama bahasa Arab dari segi ketentuan, bilangan dan gender yang merupakan salah satu daripada elemen kosa kata dalam tatabahasa bahasa Arab dan sejauhmanakah tahap penguasaan pelajar tingkatan dua KAA terhadap penggolongan kata nama tersebut berdasarkan sukatan pelajaran Bahasa Arab Komunikasi tingkatan dua KBSM sebagaimana yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM), Kementerian Pelajaran Malaysia.

## **1.6 Definisi Operasional**

Dalam kajian ini terdapat beberapa istilah penting menggambarkan tajuk kajian yang diperincikan seperti berikut:

### **1.6.1 Penguasaan**

Menurut Kamus Dewan (2005:835), penguasaan adalah perihal menguasai atau menguasai. Dalam konteks kajian ini penguasaan merujuk kepada kebolehan dan kemampuan pelajar tingkatan dua Kelas Aliran Agama memahami, menguasai dan menggunakan kata nama bahasa Arab dengan baik dan tepat mengikut kaedahnya.



### **1.6.2 Kata Nama**

Kata nama adalah kata yang merujuk kepada orang, tempat atau benda, antaranya termasuklah kata nama am dan kata nama khas (Kamus Dewan, 2005:684). Manakala kata nama di dalam bahasa Arab disebut sebagai ism yang bermaksud perkataan yang menunjukkan makna dengan sendirinya tanpa mengandungi unsur masa (Mustafa al-Ghala:yi:niy, 2005:1:8). Aspek kata nama dalam kajian ini hanya merangkumi kata nama bahasa Arab dari segi ketentuan, bilangan dan gender.

### **1.6.3 Bahasa Arab**

Bahasa ialah sistem lambang bunyi suara yang dipakai sebagai alat perhubungan dalam lingkungan satu kelompok manusia iaitu antara seorang individu dengan individu yang lain dan sebagainya (Kamus Dewan, 2005:106). Menurut Bernard Comrie (1998:24), bahasa Arab adalah satu-satunya bahasa Semit yang mempunyai bilangan penutur yang paling ramai dan satu-satunya bahasa utama di seluruh dunia Arab serta digunakan secara meluas di seluruh alam Islam sebagai bahasa kedua dan bahasa cerdik pandai. Bahasa Arab dalam kajian ini, merujuk kepada mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi (BAK) yang merupakan mata pelajaran wajib yang mesti dipelajari oleh semua pelajar tingkatan satu hingga tingkatan tiga di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Kelas Aliran Agama (KAA)

### **1.6.4 Kelas Aliran Agama (KAA)**

Kelas Aliran Agama merujuk kepada satu kelas khas yang diwujudkan di sekolah menengah kebangsaan harian biasa yang menawarkan mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi sebagai mata pelajaran elektif untuk pelajar tingkatan satu hingga tingkatan lima. Pelajar yang mempelajarinya di sekolah menengah harian biasa dikenali sebagai pelajar KAA.

## **1.7 Rangka Kajian**

Kajian yang dijalankan dibahagikan kepada lima bab yang mengandungi bahagian-bahagian tertentu seperti berikut:

### **1.7.1 BAB 1 : PENGENALAN**

Bab ini merupakan pengenalan kepada kajian yang dijalankan dan membincangkan pernyataan masalah, objektif kajian, soalan-soalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operasional.

### **1.7.2 BAB 2 : TINJAUAN KAJIAN BERKAITAN**

Skop dalam bab ini berkisar tentang kajian lepas yang mempunyai pertalian dan kaitan sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan kajian yang dijalankan. Melalui tinjauan kajian lepas, penyelidik cuba mengenal pasti metodologi kajian yang digunakan dan kewujudan jurang kajian yang belum dikaji oleh penyelidik-penyelidik kajian lepas.

### **1.7.3 BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN**

Penyelidik menjalankan kajian ini dengan menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif berdasarkan bentuk data yang diperolehi daripada instrumen kajian yang ditetapkan melalui temu bual dengan guru bahasa Arab. Selain dari itu, penulis juga menggunakan ujian bertulis ke atas pelajar yang terpilih sebagai responden kajian. Soal selidik pelajar adalah berkaitan pembelajaran bahasa Arab dan pemerhatian semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di dalam bilik darjah.

#### **1.7.4 BAB 4 : ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN**

Bab ini mengandungi perbincangan mengenai data dan dapatan kajian yang dijalankan ke atas responden kajian menerusi soal selidik pelajar, ujian bertulis pelajar, temu bual guru bahasa Arab dan pemerhatian semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di dalam bilik darjah serta cara data tersebut dianalisis sebelum dibuat interpretasi dan kesimpulan dapatan kajian.

#### **1.7.5 BAB 5 : KESIMPULAN, CADANGAN DAN PENUTUP**

Dalam bab ini, penyelidik membuat rumusan hasil daripada kajian yang dijalankan. Beberapa saranan dan cadangan akan dikemukakan kepada pihak-pihak yang berkenaan sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan lagi mutu pengajaran dan pembelajaran kata nama bahasa Arab khususnya kepada pelajar KAA.

### **1.8 Penutup**

Penyelidik telah mengupas perkara-perkara yang berkaitan dalam bahagian pengenalan disertasi ini, meliputi pernyataan masalah kajian, objektif kajian, soalan-soalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan penjelasan definisi operasional dalam tajuk kajian serta rangka kajian meliputi semua bab dengan huraian secara umum setiap bab.